

## Bab 5 : Rumusan kajian

Dalam bab ini, penulis akan membuat perbincangan berdasarkan empat subtopik iaitu ringkasan kajian, perbincangan, kesimpulan dan cadangan kajian lanjut.

### Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kebolehan metapenulisan karangan di kalangan pelajar tingkatan empat. Tahap metapenulisan pelajar ini telah dilihat secara umum atau keseluruhan dan juga dilihat secara lebih terperinci berdasarkan subkategori metakognisi seperti yang telah dinyatakan oleh Flavell (1993) iaitu tahap pengetahuan metakognisi serta pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan.

Selain itu, tahap pengetahuan metapenulisan ini juga dilihat dari aspek yang lebih kecil iaitu pengetahuan terhadap diri, tugas dan strategi. Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri ini dilihat dari segi pengetahuan pelajar terhadap dirinya dalam penulisan karangan , antaranya adalah tentang minat dalam penulisan karangan, kebolehan mereka dalam menulis dua jenis karangan iaitu karangan jenis ekspositori dan karangan jenis deskriptif, tumpuan mereka dalam penulisan karangan sama ada mereka akan memberi penekanan dalam membuat pendahuluan karangan dan juga tentang masa yang digunakan bagi merancang karangan mereka.

Bagi melihat tahap pengetahuan terhadap tugas pula, aspek yang dilihat adalah pengetahuan terhadap format karangan, jenis karangan, audien karangan, kehendak tajuk, pendahuluan karangan dan isi karangan. Manakala bagi melihat pengetahuan terhadap strategi pula aspek yang diambil kira adalah strategi yang pelajar gunakan bagi menulis karangan mereka antaranya strategi bagi memilih tajuk, mencari isi, merangka dan tujuan merangka karangan.

Dari segi pemantauan dan pengendalian pula, aspek yang dilihat adalah pemantauan pelajar semasa menulis karangan iaitu membuat hentian dan menyemak karangan yang telah ditulis, membetulkan tanda bacaan dan mengedit ejaan, struktur ayat dan juga isi karangan. Bagi melihat tahap pengendalian pula, aspek yang dilihat adalah pengendalian pelajar semasa menghadapi masalah semasa menulis karangan, ketika menghadapi kebuntuan idea semasa menulis karangan, ketika mendapati karangan yang mereka tulis telah terpesong dan, ketika menyedari bahawa mereka hanya mempunyai sedikit sahaja masa untuk menulis.

Bagi melihat tahap metapenulisan pelajar secara keseluruhan dan juga tahap pengetahuan metapenulisan penulis telah mengcompute dan mengekod semula seperti yang telah dinyatakan dalam bab tiga.

Selain melihat tahap metapenulisan, penulis juga telah melihat hubungan antara tahap kebolehan metapenulisan ini dengan variabel-variabel lain iaitu pencapaian dalam penulisan karangan dan juga keputusan Bahasa Melayu PMR. Di samping itu juga, penulis telah melihat hubungan antara variabel-variabel ini mengikut kaum.

Bagi menjalankan kajian ini penulis telah menggunakan kaedah survey dan telah menggunakan borang soal selidik bagi pengumpulan data dan menggunakan 80 sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan SMK Convent Teluk Intan, Perak.

### **Perbincangan**

Perbincangan tentang rumusan dapatan kajian akan dibuat mengikut soalan kajian. Soalan kajian yang pertama adalah tentang tahap kebolehan metakognisi penulisan (metapenulisan) di kalangan pelajar secara keseluruhan. Dapatan menunjukkan bahawa tahap metapenulisan pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Osborne (1999) ada menyatakan bahawa pelajar yang tinggi pencapaiannya dalam akademik mereka mempunyai kesedaran metakognisi yang tinggi. Dalam kajian ini sampel terdiri daripada mereka yang tinggi juga pencapaian mereka berdasarkan keputusan bahasa

Melayu PMR mereka dan juga markah penulisan karangan mereka. Tidak ada sampel yang mendapat D bagi Bahasa Melayu PMR dan begitu juga tiada pelajar yang terlalu lemah dalam penulisan karangan mereka. Jadi, sesuai dengan penyataan Osborne (1999) bahawa pelajar yang tinggi pencapaian akademiknya akan lebih tinggi kesedaran metakognisi mereka. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika daptan kajian ini memperlihatkan tahap kebolehan metapenulisan di kalangan pelajar adalah sangat tinggi.

Jika dilihat dari aspek yang lebih kecil tahap metakognisi ini seperti yang telah dikategorikan oleh Flavell (1993) iaitu tahap pengetahuan metapenulisan, daptan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan metapenulisan pelajar juga berada pada tahap yang tinggi. Pada peringkat subkategori pengetahuan metapenulisan terhadap diri ini juga memperlihatkan tahap yang tinggi. Begitu juga tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan. Daptan menunjukkan bahawa tahap metapenulisan terhadap tugas adalah sangat tinggi.

Bagi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi pula, daptan menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai pengetahuan metapenulisan terhadap strategi yang tinggi kerana peratus yang paling tinggi adalah bagi yang tinggi.

Seterusnya pula tahap metapenulisan pelajar juga dilihat berdasarkan subkategori yang kedua (teori Flavell, 1993) iaitu tahap pengendalian dan pemantauan kendiri pelajar. Daptan kajian menunjukkan bahawa tahap pengendalian dan pemantauan kendiri pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Bagi soalan dua pula penulis telah melihat korelasi antara dua variabel iaitu korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan karangan dengan pencapaian karangan. Daptan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara tahap kebolehan metakognisi penulisan (metapenulisan) pelajar dengan pencapaian dalam penulisan karangan.

Ini bermakna tahap kebolehan metakognisi penulisan tidak begitu mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar dalam penulisan karangan kerana daptan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam penulisan karangan di kalangan pelajar mengikut tahap kebolehan metapenulisan mereka. Hal ini mungkin disebabkan tiada sampel yang begitu rendah pencapaiannya dalam penulisan karangan, jadi korelasi dan perbezaannya tidak dapat dilihat dengan jelas.

Bagi korelasi antara subkategori pengetahuan metapenulisan, daptan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan dengan pencapaian penulisan karangan di kalangan pelajar. Daptan kajian ini berbeza dengan daptan kajian Kasper (1997) yang menyatakan bahawa terdapat korelasi antara prestasi penulisan dengan pengetahuan metapenulisan karangan.

Daptan juga menunjukkan bahawa terdapat korelasi pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap diri yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan. Kajian Kasper (1997) pula mendapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara pengetahuan metakognisi terhadap diri dengan prestasi dalam penulisan karangan.

Sungguhpun demikian, daptan menunjukkan tidak terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dengan prestasi pelajar dalam penulisan karangan. Ini bermakna pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan karangan yang meliputi pengetahuan terhadap format karangan, jenis karangan, kehendak tajuk, isi dan audien tidak mempengaruhi prestasi penulisan di kalangan pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat korelasi yang amat signifikan antara tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap strategi penulisan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Ini menggambarkan bahawa pengetahuan terhadap strategi penulisan mempengaruhi prestasi penulisan karangan dan ini membawa maksud pelajar yang lebih tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan akan mendapat prestasi yang lebih baik dalam penulisan karangan dan begitu juga sebaliknya.

Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Kasper (1997) yang mendapati bahawa terdapat korelasi antara pengetahuan terhadap strategi dengan prestasi penulisan karangan.

Seterusnya pula, jika dilihat hubungan antara tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan dengan prestasi dalam penulisan karangan, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara dua variabel ini.

Bagi soalan kajian ketiga pula adalah melihat korelasi antara pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolehan metapenulisan di kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolehan metapenulisan karangan di kalangan pelajar. Ini bermakna pencapaian dalam Bahasa Melayu, tidak memberi pengaruh terhadap metapenulisan karangan mereka. Seperti juga kajian Mohammad Haron (1993) yang mengkaji tentang korelasi antara pemahaman dan kesedaran pemahaman dan juga korelasi antara kesedaran pemahaman dengan pencapaian Bahasa Melayu dan PMR. Dalam kajian beliau, didapati bahawa tidak terdapat korelasi antara tahap kesedaran pemahaman dengan pencapaian Bahasa Melayu dan PMR.

Seterusnya dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan pengetahuan metapenulisan karangan, dan begitu juga dari segi korelasi antara pengetahuan metapenulisan terhadap diri. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Kasper (1997) yang menyatakan terdapat korelasi antara kecekapan berbahasa dengan tahap pengetahuan metakognisi dalam penulisan karangan. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa lebih baik pencapaian Bahasa Melayu PMR, maka lebih tinggi tahap pengetahuan metapenulisan mereka.

Sungguhpun demikian, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR pelajar dengan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan. Ini bermakna pencapaian dalam Bahasa Melayu

PMR tidak mempengaruhi tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan.

Selain itu, penulis juga telah melihat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar mengikut kaum. Dapatkan telah menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan pelajar dengan prestasi penulisan karangan pelajar bagi kedua-dua kaum Melayu dan bukan Melayu. Ini menunjukkan bahawa tahap kebolehan metapenulisan karangan tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam penulisan karangan sama ada bagi kaum Melayu dan bukan Melayu.

Perkara penting yang penulis ingin nyatakan di sini adalah tentang dapatan kajian bahawa tidak adanya korelasi antara tahap metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Dalam kajian ini penulis telah mengambil kira prestasi penulisan karangan pelajar berdasarkan pencapaian pelajar dalam penulisan kedua-dua jenis karangan iaitu ekspositori dan deskriptif. Abd Aziz Abd Talib (1990) pernah menyatakan bahawa karangan jenis deskriptif adalah karangan yang kedua terendah tahap kesukarannya selepas karangan jenis naratif, sementara karangan yang paling tinggi tahap kesukarannya adalah karangan jenis ekspositori. Ini bermakna dalam penulisan karangan jenis deskriptif ini, pelajar yang tidak begitu cemerlang dalam penulisan karangan juga boleh menulis karangan jenis ini kerana ia tidak mempunyai format yang khusus yang perlu diingat dan tidak memerlukan pengetahuan yang begitu luas bagi menulisnya. Jadi itulah sebabnya yang memungkinkan tidak terdapat korelasi antara tahap metapenulisan pelajar dengan prestasi penulisan pelajar kerana kajian ini melibatkan kedua-dua jenis karangan dan tidak ada pelajar yang lemah dalam prestasi penulisan.

Tambahan pula, jika berbalik kepada dapatan kajian yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu pelajar yang mendapat cemerlang ( $A$ ) dalam Bahasa Melayu PMR

mereka adalah amat tinggi tahap metapenulisan mereka. Ini menunjukkan pelajar yang cemerlang mempunyai tahap metapenulisan yang lebih baik.

### Kesimpulan

Tahap kebolehan metakognisi pelajar tingkatan empat dalam penulisan karangan atau metapenulisan karangan adalah sangat tinggi dan tahap pengetahuan metapenulisan pelajar juga sangat tinggi. Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri pula adalah pada tahap tinggi. Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dan strategi penulisan adalah sangat tinggi. Dapatkan juga menunjukkan bahawa tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan adalah tinggi.

Tidak terdapat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan dan pengetahuan metapenulisan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Selanjutnya pula terdapat korelasi yang amat signifikan antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri tentang kebolehan untuk mendapat cemerlang dalam penulisan karangan jenis ekspositori dan deskriptif dengan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan berkenaan.

Sungguhpun demikian, tidak terdapat korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dengan prestasi penulisan karangan pelajar. Terdapat pula korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan karangan di kalangan pelajar dengan prestasi penulisan karangan sementara tidak terdapat korelasi antara tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar.

Tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu PMR pelajar dengan tahap kebolehan metapenulisan, dan tahap pengetahuan metapenulisan, pengetahuan metapenulisan terhadap diri dan strategi.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan.

Selain itu, tidak terdapat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan bagi pelajar Melayu dan juga bukan Melayu.

#### Cadangan Kajian Lanjut

Kajian yang telah dibuat oleh penulis dalam penulisan karangan ini hanya melibatkan dua jenis karangan iaitu karangan jenis ekspositori dan karangan jenis deskriptif. Penulis ingin mencadangkan di sini agar kajian metapenulisan pelajar ini menilai jenis karangan yang lain pula.

Selain itu, sampel bagi kajian ini hanya terdiri dari pelajar perempuan sahaja. kajian seterusnya boleh dibuat ke atas pelajar lelaki pula atau melihat kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan dan boleh juga melihat perbezaan antara kedua-duanya.

Di samping itu, kajian melihat korelasi antara tahap kebolehan metakognisi dengan prestasi penulisan dan juga korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap metapenulisan pelajar mengikut jurusan dan kaum. Kajian lain yang boleh juga dibuat iaitu melihat korelasi antara variabel-veriabel yang disebutkan di atas mengikut jantina, taraf sosioekonomi dan juga sekolah di bandar dan luar bandar.